

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**

**SOALAN : NO. 340**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana kemudahan awam mesra OKU di sekitar kampus dinaik taraf serta dibina bagi golongan ini di setiap Universiti Awam di seluruh negara. Apakah bentuk kemudahan pembelajaran yang disediakan kepada golongan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelaksanaan projek pembangunan fizikal Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sama ada pembinaan baharu atau naiktaraf di universiti awam (UA) turut mengambil kira keperluan OKU seperti yang terkandung dalam Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang disediakan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Jabatan Perdana Menteri. Antara contoh kemudahan awam mesra OKU yang disediakan adalah seperti lif, laluan khas OKU, kawasan parkir kereta dan motosikal, tandas dan *ramp*.

UA turut menyediakan kemudahan pembelajaran kepada golongan OKU, antaranya Universiti Malaya telah menubuhkan Unit Pengurusan Siswa OKU. Antara peranan yang dimainkan oleh unit ini adalah dari segi pengurusan pelajar OKU, kebolehcapaian bangunan & persekitaran

kampus, kemudahan pembelajaran dan khidmat sokongan serta kualiti hidup dan persediaan kerjaya. Manakala Universiti Sains Islam Malaysia pula menyediakan kenderaan khas kepada pelajar OKU untuk memudahkan pergerakan mereka ke kuliah. Universiti lain turut sama menyediakan kemudahan mesra OKU antaranya tempat letak kereta OKU, laluan khas OKU cacat penglihatan, pembelian laptop dengan aplikasi system JAWS bagi pelajar OKU cacat penglihatan dan penyediaan van yang dilengkapi dengan teknologi hidraulik bagi memudahkan pelajar OKU yang berkerusi roda.